**REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI**
**TINGKATAN 1** **NAMA**

**LATIHAN BAB 2 : PENGURUSAN PROJEK**

2.1.1 Definisi pengurusan projek reka bentuk
2.1.2 Penjanaan idea reka bentuk untuk menyelesaikan masalah
2.1.3 Langkah pengurusan pelaksanaan projek

Jawab **semua** soalan dengan menggunakan **HURUF BESAR.**

1. Lengkapkan peta pemikiran komponen pengurusan projek pada ruang yang disediakan.




2. Tandakan ( / ) pada definisi pengurusan projek reka bentuk yang betul dan ( X ) pada pernyataan yang salah.

(a) Aktiviti kerja yang melibatkan proses kerja, iaitu melibatkan kualiti, ciri, dan fungsi reka bentuk.

(b) Disiplin dalam menentukan perancangan, pelaksanaan, pengawalan, dan kerjasama kumpulan bagi mencapai matlamat dan kejayaan projek.

(c) Aktiviti kerja yang melibatkan proses kerja, iaitu skop kerja, tempoh masa, dan kos projek.

(d) Aktiviti kerja yang melibatkan proses kerja, iaitu pembayaran upah, pembelian bahan, peralatan, sewaan, dan insurans.

3. Tandakan ( / ) pada pernyataan skop kerja dalam pengurusan projek reka bentuk yang betul dan ( X ) pada pernyataan yang salah.

(a) Skop kerja terdiri daripada skop produk, skop projek, dan skop masa.

(b) Skop kerja yang melibatkan skop produk, iaitu berkaitan kualiti, ciri, dan fungsi reka bentuk.

(c) Skop kerja yang melibatkan skop projek, iaitu berkaitan kepimpinan dan pengurusan.

(d) Skop kerja bertujuan untuk pengiraan kos yang berkesan dalam sesuatu projek.

LIVEWORKSHEETS

4. Padankan aktiviti kerja dengan penerangan yang betul dalam pengurusan proje reka bentuk.

| | |
|---|---|
| Skop Kerja | Peruntukan kewangan bagi menjayakan projek |
| Tempoh Masa | Terdiri daripada skop produk dan skop projek |
| Kos Projek | Tempoh yang ditetapkan untuk menyempurnakan projek |

5. Maklumat yang berikut adalah proses kerja reka bentuk.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **A** | Tempoh masa | **B** | Skop projek | **C** | Kos projek |

Padankan penerangan proses kerja reka bentuk yang **betul** dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang disediakan. Subtopik 2.1

BUKU TEKS m.s 32

(a) Peruntukan kewangan untuk bayaran upah, membeli bahan, peralatan, sewa dan insurans ☐

(b) Jangka masa yang ditetapkan untuk menyiapkan projek ☐

(c) Melibatkan kualiti, ciri dan fungsi reka bentuk ☐

6. Tandakan ( / ) pada elemen yang terlibat dalam skop produk.

Kualiti ☐

Bahan ☐

Fungsi reka bentuk ☐

7. Maklumat yang berikut adalah langkah dalam pengurusan projek reka bentuk.

| | |
|---|---|
| **A** | Mengawal pelaksanaan |
| **B** | Mengawal selia sumber yang terhad |
| **C** | Menentukan bilangan produk |
| **D** | Menyediakan pelan atau lukisan reka bentuk produk |
| **E** | Merancang aktiviti produk |

Susun langkah di atas mengikut turutan yang **betul** dengan menulis **A**, **C** dan **D** pada petak yang disediakan. Subtopik 2.1

BUKU TEKS m.s 34 – 35

**E** → (a) → (b) → **B** → (c)

LIVEWORKSHEETS

8. Maklumat yang berikut adalah cara untuk mengenal pasti masalah dalam penjanaan idea reka bentuk.

| | |
|---|---|
| **A** | Pemerhatian |
| **B** | Pembacaan |
| **C** | Pengalaman sendiri |

Padankan cara yang berikut dengan menulis **A**, **B** atau **C** pada petak yang disediakan.

Subtopik 2.1 BUKU TEKS m.s. 33

(a) Mendapat maklumat produk daripada surat khabar atau majalah

(b) Membuat kajian produk di pasaran secara sendiri tentang reka bentuk dan kemasan

(c) Meneliti penggunaan sesuatu produk

9. Lengkapkan rajah penjanaan idea reka bentuk pada ruang yang disediakan.

**Penjanaan Idea Reka Bentuk**

10. Tandakan ( / ) pada langkah menjana idea reka bentuk yang betul dan ( X ) pada pernyataan yang salah.

(a) Meniru apa sahaja yang terdapat di persekitaran dan menukarkan kepada bentuk produk

(b) Menterbalikkan fungsi sesuatu alat

(c) Memberikan kedudukan yang sama pada sesuatu bahagian

(d) Menukarkan saiz objek yang sebenar

11. Maklumat yang berikut adalah kaedah menjana idea reka bentuk.

| | |
|---|---|
| **A** | Menterbalikkan objek |
| **B** | Menukar saiz objek |
| **C** | Mempelbagaikan fungsi objek |

Padankan maksud kaedah menjana idea reka bentuk yang **betul** dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang disediakan. Subtopik 2.1

BUKU TEKS m.s. 33 – 34

(a) Tayar terpakai dijadikan sebagai pasu bunga atau kerusi duduk

(b) Kipas dikecilkan saiznya untuk dijadikan kipas yang boleh berfungsi dengan bateri

(c) Beg galas boleh diterbalik ke bahagian dalam yang mempunyai fungsi lain, iaitu sebagai baju hujan

LIVEWORKSHEETS

12. **A, B dan C** merupakan langkah-langkah penjanaan idea reka bentuk.

| | |
|---|---|
| **A** | Menukar saiz objek |
| **B** | Menterbalikkan fungsi sesuatu alat |
| **C** | Meniru daripada persekitaran |

**Padankan gambar berikut dengan langkah penjanaan idea reka bentuk yang betul dengan menulis A, B atau C pada ruang yang disediakan.**







13. Maklumat di bawah menunjukkan tiga langkah kerja dalam pengurusan pelaksanaan projek.

| | |
|---|---|
| **A** | Pengawalan |
| **B** | Penjadualan |
| **C** | Perancangan |

Susun langkah tersebut semula dengan menulis **A**, **B**, dan **C** dalam ruang jawapan yang telah disediakan.

**14.** Rajah yang berikut menunjukkan carta organisasi atau pasukan pengurusan projek di sekolah. Nyatakan **A, B dan C.**




SELAMAT MENJAWAB

Disediakan oleh

Pn Aniza Abdullah
Guru RBT, SMK Dengkil, Sepang, Selangor

LIVEWORKSHEETS